

# Gelombang nelayan bermula

Sinar Harian 2/4/2018

MIS 7

RUMPAI LAUT KELUARAN  
SABAH

info

GNN 2018:  
*Seaweed Splash*  
pemangkin  
industri rumpai  
laut di Sabah

NINA FARZUIN MD  
SHAROM

SABAH

Lebih 5,000 penggiat industri rumpai laut berjaya dihimpunkan menerusi program Gelombang Nelayan Nasional (GNN) 2018: Seaweed Splash yang telah diadakan di Semporna bermula 30 Mac hingga April lalu.

GNN edisi Seaweed Splash ini bertujuan untuk memberi fokus khusus bagi mempromosikan industri rumpai laut di Sabah disamping membantu meningkatkan permintaan dan pendapatan penternak.

Selain itu ia turut membantu meningkatkan harga semasa rumpai laut dan juga perluasan potensi pasaran tempatan serta ekspor.

Usaha ini sekali gus meningkatkan lagi profail Semporna sebagai destinasi tarikan pelancongan yang berupaya menarik lebih ramai pengunjung dari dalam dan luar negara.

Perlaksanaan ini juga dianggap sebagai antara 'kick off' bagi mendakwa bermulanya gelombang GNN di seluruh negara tahun ini.

GNN adalah program anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dengan kerjas-



Ahmad Shabery merasmikan Gelombang Nelayan Nasional.

ma Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI).

Ia bertujuan bagi meraih golongan nelayan dan mengiktiraf peranan mereka dalam menyediakan sumber bekalan makanan, terutama protein untuk rakyat.

GNN yang mula diperkenalkan oleh MOA pada tahun lalu telah diumumkan sebagai acara tahunan negara Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika beliau melancarkan GNN 2017 di Kerteh, Terengganu pada 14 Oktober 2017.

## Seaweed Splash meriah!

Sambutan GNN di Semporna nyata tidak menghamparkan apabila acara perasmianya menyaksikan himpunan 500 bot nelayan termasuk 20 perahu tradisional bajau laut (palau) serta lebih 3,500 nelayan.

Perarakan 500 buah bot ini merupakan simbolik ke-



Bot-bot nelayan dihiasi bendera Malaysia dan Sabah.

pulangan nelayan daripada lautan dengan hasil tangkapan mereka.

Majlis Perasmian GNN yang diadakan pada 31 Mac lalu telah disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, di Dataran Reggatta Lepa Semporna.

Pelbagai aktiviti diatur sebelum dan semasa program tiga hari ini oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan agensi-

agensi lain yang terlibat.

Antara aktiviti yang telah dijalankan sebelum program adalah jalinan bersama komuniti nelayan, gotong-ropong serta kursus kepada masyarakat nelayan.

Turut diadakan adalah perarakan 20 bot berhias, Seaweed Paradise, Seaweed Buskers, Pertandingan Ratu Seaweed, dan cabutan bertuah.

Selain itu, program lain yang diadakan adalah lawatan rumah ke rumah nelayan terpilih melalui Program Tautan.

1. Sabah yang terletak di kawasan Segitiga Batu Karang merupakan antara penyumbang kepada pengeluaran rumpai laut merah (*Rhodophyceae*) spesies *Kappaphycus* spp dan *Eucheuma* spp bagi penghasilan biopolimer marin iaitu karagenan, yang terbesar selepas negara Filipina dan Indonesia.

2. Tahun 2016, kira-kira 206,000 tan metrik rumpai laut (berat basah) bernilai RM44 juta (borong) telah dihasilkan dan perusahaan ini menjadi sumber pendapatan kepada hampir 1,200 penternak di kawasan pengkulturan rumpai laut di perairan negeri Sabah seperti di Semporna, Kunak, Tawau dan Lahad Datu.

3. 12.EPP#3 Mini Estet dan Kluster telah diwujudkan di bawah Program NKEA-Pertanian bagi memacu pembangunan rumpai laut berskala komersial diterajui oleh sektor swasta dan berjaya meningkatkan pendapatan pengusaha melebihi RM1,500 sebulan melepas tahap kemiskinan.

4. Antara penyelidikan yang dijalankan oleh pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) telah membuktikan bahawa Rumpai Laut Semporna adalah yang terbaik kerana mengandungi kandungan gel karagenan yang paling berkualiti.

5. Sehingga kini, lebih 50 ladang projek Kluster Lok Buton Semporna telah berjaya mendapat pensijilan myGAP.

## KEBAIKAN RUMPAI LAUT

1. Membersihkan darah
2. Kandungan mineral yang tinggi
3. Sebagai anti oksidan yang tinggi
4. Kaya dengan 'chlorophyll' sangat berkesan untuk proses 'detox'
5. Berkesan untuk penurunan berat badan, kerana kandungan iodine yang tinggi
6. Membantu untuk mengalkali darah manusia



Ahmad Shabery melihat sendiri rumpai laut yang segar.



Peserta tidak melepaskan peluang bergambar bersama menteri.



Golongan nelayan tidak dipinggirkan dalam arus semasa.